TARIKH: 1/12/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 6



Sinar Harian TELUS & TULUS sinarharian.com.my
TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

# Mangsa runtuhan tak carum PERKESO

## Majikan berdepan tindakan perundangan selepas disyaki tidak mendaftar dan mencarum pekerjanya

**Oleh DIANA AZIS**
**SHAH ALAM**


Bunyi dentuman kuat

Laporan *Sinar Harian* mengenai runtuhan terbabit pada Khamis.

Majikan kepada lima mangsa pekerja asing yang terbabit dalam runtuhan tapak pembinaan sebuah gudang di Batu Maung, Bayan Lepas, Pulau Pinang berdepan tindakan perundangan selepas disyaki tidak mendaftar dan mencarum pekerjanya dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Semakan agensi berkenaan mendapati, kelima-lima mangsa tidak mempunyai rekod sekali gus melanggar Seksyen 6, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar menegaskan, kegagalan mendaftar dan mencarum pekerja asing boleh didakwa mengikut Seksyen 94, Akta 4 yang membawa hukuman denda RM10,000 atau dua tahun penjara, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

"Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang culas mendaftar dan membayar caruman pekerja asing, sekali gus menafikan hak perlindungan sosial mereka," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan, tiga buruh warganegara Bangladesh disahkan maut manakala dua lagi parah selepas dihempap tiang rasuk konkrit seberat 14 tan dalam runtuhan di tapak pembinaan gudang sebuah syarikat kurier.

Dalam kejadian tersebut, dua mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian, manakala seorang lagi ketika mendapatkan rawatan di Hospital Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Sivakumar memaklumkan, hasil semakan kementerian terhadap empat pekerja asing terlibat mendapati mereka mempunyai rekod pendaftaran tetapi tiada caruman sejak diambil bekerja antara 2020 hingga Julai 2023.

Bagaimanapun katanya, seorang lagi pekerja asing yang maut tidak mempunyai rekod pendaftaran dan caruman.



> *Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang culas mendaftar dan membayar caruman pekerja asing, sekali gus menafikan hak perlindungan sosial mereka."*
> - Sivakumar

Katanya, pekerja asing termasuk yang berkhidmat sebagai buruh di sektor pembinaan diwajibkan untuk mendaftar dan mencarum dengan PERKESO berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2020.

Sementara itu, Sivakumar berkata, lebih 1.88 juta pekerja asing dilindungi menerusi Skim Perlindungan Bencana Kerja mengikut Akta 4, dengan 4,566 insiden kemalangan membabitkan pekerja asing dilaporkan ke PERKESO berdasarkan perangkaan setakat 31 Oktober lalu.

"Bagaimanapun jumlah liputan caruman bagi pekerja asing berbanding kemasukan tenaga buruh luar ke Malaysia menunjukkan masih ada segelintir majikan yang ingkar dalam mematuhi peruntukan Akta 4," jelasnya.